


Prompter disediakan

TEKS UCAPAN:

**YANG AMAT BERHORMAT**

**DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI &**

**MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**PEMUKIMAN**

**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH 2025**

PADA:

**18 JANUARI 2025 (SABTU)**

**9.00 PAGI**

LOKASI:

**BAHANG BAY**

**PULAU PINANG**

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Salam Luar Bandar Sejahtera.

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

**MUKADIMAH**

1. Syukur Alhamdulillah, kita sekali lagi diberi peluang untuk bertemu dalam misi besar **pejuang desa**. Hari ini kita merangka strategi dan menyelaraskan gerak kerja, yang bukan sahaja memacu pembangunan masyarakat desa - tetapi juga menjadikan mereka pemangkin kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

2. Keberadaan kita di permukiman ini bukanlah sekadar memenuhi rutin tahunan atau tuntutan tugasan semata-mata. Sebaliknya, setiap langkah kita hari ini membawa amanah besar – untuk membentuk masa depan lebih 8 juta warga desa Malaysia yang mengimpikan kehidupan yang lebih bermakna.

3. Tidak kira di mana kedudukan kita, setiap daripada kita

membawa peranan yang sama penting dalam membangunkan masyarakat desa.

4. *Great achievements are born from great responsibility.* Pembangunan desa bukan sekadar soal membina infrastruktur atau berbangga dengan angka, tetapi kita mestilah mencipta perubahan yang benar-benar dirasai dan menyentuh setiap jiwa di pelosok desa Malaysia.

5. Justeru, setiap langkah yang kita ambil mesti berakar pada rasa kepunyaan atau *sense of belonging*. Percayalah, hanya dengan rasa ini, perancangan kita akan menjadi lebih tersusun, teliti, dan akhirnya meninggalkan kesan yang mendalam di hati masyarakat desa yang kita pimpin.

**Agenda Desa Maju: Strategi Bersepadu, Impak Berterusan**

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Dua tahun telah berlalu. Kita tidak hanya meniti masa, tetapi kita terus mengorak langkah, mencari jalan, merangka strategi, dan mewujudkan pembangunan yang lebih inklusif. Kita telah mencapai pelbagai kejayaan hasil daripada asas yang kukuh, bekerja sebagai satu pasukan dalam membina sebuah **tadbir urus yang lebih strategik.**

7. Anjakan ini tidak berlaku dengan sendiri. Ia dipacu oleh pendekatan yang berani dan inovatif melalui *Profit Centre Thinking, Low Cost High Impact, Turning Liability Into Asset* dan *Social Economic Value.* Inilah tulang belakang perubahan yang kita gerakkan.

8. Saya percaya, setiap langkah kecil yang kita ambil hari ini adalah batu loncatan kepada impian besar yang kita usahakan bersama. *Success is not how high you have climbed, but how you make a positive difference to the world.*

9. Oleh itu, tahun ini saya mahu kita memacu lagi langkah strategik dengan mengamalkan pendekatan **cross-functional** - memanfaatkan kekuatan setiap bahagian di bawah satu payung besar yang merangkumi pendidikan, ekonomi, keusahawanan, dan reformasi birokrasi.

10. Kini, sudah tiba **masanya untuk meningkatkan lagi keberkesanan setiap bahagian dan agensi** dengan mengoptimumkan sumber dan memperkukuh perkhidmatan silang (*shared services*).

11. Kenapa ini penting? Kerana kita mahu penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berimpak tinggi kepada rakyat. Oleh itu, saya ingin menggariskan

beberapa sasaran utama yang saya yakin dapat meningkatkan keberkesanan agenda KKDW di mata rakyat:

i. Pertama, saya mahu kita terus membantu usahawan desa berkembang dan melonjakkan potensi usahawan desa untuk **menembusi pasaran global**.

ii. Kedua, kalau tahun lalu, seramai 446 anak Orang Asli berjaya memasuki universiti. Tahun ini, saya mahu melihat sekurang-kurangnya **500 orang lagi berjaya ke universiti** dan mengikuti program TVET@KKDW.

iii. Ketiga, saya amat bersyukur Program Pra-Tahfiz KEMAS telah mendapat sambutan yang amat baik. Tetapi kita tidak boleh berhenti di sini. Saya mahu kita memperluaskan usaha dengan **mewujudkan program kesinambungan *Pra-Tahfiz pasca Tabika***, agar anak-anak ini dapat meneruskan hafazan Al-Quran walaupun telah memasuki sekolah rendah.

iv. Keempat, saya juga mahu agensi seperti **FELCRA** memperkasakan lagi usaha melibatkan kepelbagaian produk pertanian terpilih seperti cili dan sayur-sayuran strategik. Kita mahu sektor pertanian desa berkembang **menjadi tulang belakang kepada**

**agenda keselamatan makanan negara**.

v. Kelima, saya mahu kita merangka satu usaha bersepadu untuk **menyelaraskan kekuatan pelbagai Kementerian** yang berkongsi agenda membangunkan masyarakat desa. Dengan gabungan tenaga dan sumber, InsyaAllah kita dapat menembusi lebih banyak kawasan, serta memberikan bantuan yang lebih menyeluruh dan berkesan kepada masyarakat desa.

**Transformasi Desa: Dari Asas ke Masa Depan**

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Dalam kita mencapai hasrat ini, saya mahu kita memperkukuhkan tiga asas utama **Agenda Transformasi Desa** pada pemukiman kali ini iaitu:

i. Pertama, kita mesti memastikan rakyat mempunyai **Keperluan Asas** yang cukup dengan menyediakan tempat berteduh yang selesa, pemakanan yang mencukupi, dan peluang pekerjaan yang stabil. Tanpa asas ini, mustahil bagi kita untuk membawa mereka ke tahap kehidupan yang lebih baik. Keperluan asas

yang rapuh hanya akan melemahkan usaha kita dalam membangunkan desa yang lebih maju.

ii. Kedua, kita memastikan **Kemudahan Asas** seperti jalan raya, air bersih, dan elektrik terus menjadi tunjang kesejahteraan rakyat. Kemudahan asas yang lengkap mampu meningkatkan kualiti hidup, menarik pelaburan dan mempercepatkan pembangunan desa - sekali gus merapatkan lagi jurang antara desa dan bandar.

iii. Ketiga, apabila keperluan asas dan kemudahan asas sudah kukuh, barulah kita dapat menggerakkan **Pembangunan Sosioekonomi** secara menyeluruh. Kita perlu membuka lebih banyak peluang untuk meningkatkan pendapatan rakyat desa, memperkasa modal insan dengan kemahiran baharu, dan memastikan mereka mampu berdikari untuk kelangsungan masa hadapan.

13. Apabila kita melihat melalui lensa rakyat, *KPI* kita bukan sekadar angka di atas kertas. Mungkin bagi kita, membina berkilo-kilometer jalan itu mungkin satu kejayaan. Tetapi bagi rakyat, jalan itu adalah akses kepada rezeki dan kehidupan yang lebih baik.

14. Mungkin bagi kita, memasang beribu lampu jalan itu satu pencapaian. Tetapi bagi rakyat, cahaya itu adalah harapan - agar anak-anak mereka dapat belajar dengan lebih baik di balik kegelapan.

15. Justeru, kita bertanggungjawab memastikan usaha **Agenda Transformasi Desa** ini bukan hanya sekadar perancangan di atas kertas, tetapi realiti yang benar-benar dirasai oleh rakyat. Keberhasilan sebenar bukan terletak pada laporan yang cantik, tetapi apabila kita mampu mengubah kehidupan rakyat.

**Ke Arah Ekosistem Pembangunan yang Lebih Inklusif dan Berkesan**

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. Dalam kita mencapai hasrat ini, kita mesti memastikan bahawa setiap tindakan yang diambil benar-benar memenuhi keperluan dan harapan rakyat. **Pendekatan kita harus sentiasa relevan, dan KPI kita harus berpaksikan kesejahteraan rakyat**.

17. Itulah sebabnya saya mencadangkan agar kita menjalankan **penilaian pihak ketiga** bagi menilai secara objektif keberkesanan setiap inisiatif yang kita laksanakan.

Dengan ini, kita dapat memastikan setiap program menyentuh golongan sasaran dengan impak yang maksimum.

18. Selain itu, saya mahu kita terus memperhebatkan usaha **Perkhidmatan Pasca Penyerahan (Post-Delivery Service)** dalam setiap program pembangunan yang kita jalankan. Sebagai contoh, dalam Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS), kita tidak boleh hanya membina rumah dan meninggalkan penerima begitu sahaja.

19. Sebaliknya, kita mesti kembali bertemu mereka, *follow up* dan bertanya tahap kepuasan mereka. Pendekatan ini bukan sahaja mencerminkan keprihatinan Kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat, tetapi juga memastikan setiap projek pembangunan bersifat **mampan, memenuhi aspirasi rakyat secara menyeluruh, dan mendorong penyelesaian yang lebih inklusif**. *The game changer must really be felt by the people.*

20. Selain itu, saya amat berharap tahun ini kita dapat merealisasikan kewujudan **dashboard digital, bank data, dan sistem pemetaan interaktif** untuk memantau prestasi projek secara langsung. Dengan sistem ini, kita dapat merekod pencapaian Kementerian dengan lebih sistematik, seterusnya dapat memetakan program

pembangunan secara lebih efisien dan responsif kepada keperluan semasa.

21. Tahun ini juga, kita mesti **memperkasa Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), JPKKP, JPPKOA, APM dan KEMAS**. Sebagai agen Kerajaan di peringkat akar umbi, usaha ini mesti diperkasakan dengan sumber, latihan, dan peranan yang lebih strategik agar rakyat lebih cakna terhadap segala inisiatif dan usaha yang dilakukan oleh kerajaan.

22. Saya yakin pemukiman yang berlangsung kali ini akan melahirkan lagi idea-idea bernas untuk mentransformasi serta memperkukuh ekosistem KKDW. Resolusi yang dirumuskan daripada sesi ini mesti disusun rapi untuk saya bawa ke **Permukiman Jemaah Menteri pada 15 dan 16 Februari 2025** nanti.

23. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada **PERDA melalui PERDA Ventures dan wakaf Majlis Agama Islam Pulau Pinang** atas kejayaan usaha permulaan pelaksanaan pembangunan tanah waqaf dengan nilai keseluruhan mencecah RM170.1 juta. Saya melihatnya sebagai salah satu program strategik berimpak tinggi yang mampu memberi manfaat yang besar kepada rakyat, khususnya di Pulau Pinang ini.

24. Terima kasih juga kepada YB Dato' Dr. Mohamad, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, atas sokongan yang diberikan kepada PERDA, khususnya dalam merealisasikan pembangunan tanah wakaf buat pertama kali dalam sejarah.

25. Kerjasama ini juga merangkumi pelbagai inisiatif pembangunan perumahan di Pulau Pinang, dan saya berharap sinergi yang baik ini dapat diteruskan serta diperkukuhkan pada masa akan datang.

**PENUTUP**

Hadirin sekalian,

26. Saya berharap kita dapat mencari terus langkah-langkah terbaik dalam kita menguruskan Kementerian ini bersama. Kita terus bergerak ke hadapan dengan iltizam yang lebih besar.

27. Hari ini kita hadir bukan hanya sebagai pemimpin, tetapi arkitek masa depan desa. Kita bukan sekadar pelaksana

dasar, tetapi pencetus perubahan yang akan mengubah kehidupan rakyat.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Terima kasih.